

03/12/2000

Dr Mahathir beli juadah berbuka puasa

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil kesempatan mengunjungi dan membeli juadah berbuka puasa di Jalan Raja Alang, Kampung Baru, di ibu negara, petang semalam.

Sebelum itu, beliau meluangkan masa dua jam melawat Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIMS) 2000 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Perdana Menteri melawat hampir setiap gerai pameran 75 syarikat yang menyertai pameran itu dengan diiringi Presiden Persatuan Automotif Malaysia Aishah Ahmad.

(END)